

PAHANG

PCB.284772 & PCB.288780: ADUAN BERKENAAN SALAH LAKU PENGUBAHSUAIAN RUMAH

Sebanyak dua aduan iaitu pada 14 Januari 2022 dan yang kedua pada 24 Mei 2022 diterima tentang kontraktor Telekom Malaysia yang tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pemasangan kabel gentian optik kepada pelanggan baharu.

Kerja-kerja penyambungan kabel ke premis pengadu menjadi bahaya akibat daripada pengubahsuaian haram ini. Pemilik-pemilik premis juga telah ingkar notis dan surat arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Jerantut agar merobohkan/mengalihkkan halangan ubahsuai tersebut. Semakan juga mendapati terdapat beberapa pemilik premis yang membuat penambahan di atas struktur longkang yang mengakibatkan pihak berwajib tidak dapat membuat pembersihan sewajarnya. Ianya juga dipercayai menjadi punca kepada banjir kilat yang berlaku pada awal tahun 2022.

Tindakan Penyelesaian

Majlis Daerah Jerantut telah merancang dan mengadakan perbincangan operasi penguatkuasaan bersama agensi-agensi terlibat seperti PDRM, TNB & TM. Agensi juga telah mengeluarkan notis peringatan dan kain rentang peringatan berhubung tindakan penguatkuasaan yang akan dilaksanakan. Lanjutan itu, Majlis Daerah Jerantut bersama beberapa agensi terlibat telah mengambil tindakan penguatkuasaan meruntuh/membuka halangan binaan haram di lokasi aduan dan kes diselesaikan pada 26 Julai 2022.

SEBELUM



SEMASA



SELEPAS

